

SPRM sita lebih 10 juta tan simpanan bauksit

BH . 13/8/2017 ms. 22

➔ Bantu jalankan siasatan terhadap isu perlombongan haram

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

Kuantan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita lebih 10 juta tan simpanan bauksit di Pahang bagi menghalang bijih itu dibawa keluar bagi semua tujuan termasuk dijual.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Ope-



Azam Baki

rasi) SPM, Datuk Azam Baki, berkenaan simpanan bauksit yang berada di tanah kerajaan dan persendirian itu dibuat mengikut Seksyen 33 Akta SPM 2009.

Individu yang melanggar notis berkenaan boleh dihukum mengikut Seksyen 69 akta yang sama, iaitu denda maksimum RM10,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

“Sehingga kini, dianggarkan lebih 10 juta tan bauksit yang dilombong serta disimpan di kawasan penyimpanan di beberapa lokasi di Pahang.

“Penyitaan itu perlu bagi membantu SPM menjalankan siasatan terhadap isu perlombongan haram bauksit. SPM juga akan memantau sebarang eksport bauksit di Pelabuhan Kuantan,” katanya dalam ke-

MORATORIUM PERLOMBONGAN BAUKSIT

Pelombong tak peduli arahan

Selepas lebih setahun dikuatkuasakan ada pengusaha meneruskan kegiatan di sebalik alasan mengeluarkan stok sedia ada. Tinjauan BH mendapati lori membawa bauksit beroperasi seperti biasa dan menggunakan khidmat tonto bagi lindungi Kawasan perlombongan

Ms.20/21

Dr Vida berunding dengan Louis Vuitton hasilkan edisi terhad label sendiri



Keratan laporan BH 2 Ogos lalu.

nyataan media semalam.

Cadang kaji semula pengeluaran AP

Beliau berkata, SPM juga sudah mencadangkan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar supaya mengkaji semula pengeluaran Permit Kelulusan (AP) kepada pengusaha lombong bauksit serta membatalkan semua AP dikeluarkan sebelum ini.

BH dalam laporan muka depan pada 2 Ogos lalu mendedahkan perlombong bauksit di Kuantan kembali melakukan kegiatan itu secara haram dengan alasan mengeluarkan stok sedia ada walaupun tempoh moratorium masih berkuat kuasa.

Susulan itu, SPM melancarkan operasi dan menahan seorang pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja

Malaysia (JKDM) serta 10 kakitangan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang kerana disyaki bersekongkol dalam kegiatan perlombongan bauksit secara haram itu.

Setakat semalam, pegawai kastam berkenaan dan empat kakitangan PTG Pahang masih direman bagi membantu siasatan yang dibuat mengikut Seksyen 17 (A) Akta SPM 2009.

Mengikut maklumat daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, ketika moratorium dilaksanakan, simpanan bauksit berjumlah 5.4 juta tan, tetapi sehingga 8 Jun lalu, sejumlah 5.8 juta tan bauksit sudah dieksport melalui Pelabuhan Kuantan dan Kemaman, Terengganu.

Ia jelas menunjukkan kegiatan perlombongan haram masih berterusan walaupun selepas moratorium dilaksanakan.